

# Khidmat tema manifesto BN?

BH 27 JUN 1986

**BUKIT MERTAJAM, Khamis** — Manifesto Barisan Nasional (BN) untuk pilihanraya umum akan berasaskan kepada khidmat untuk rakyat.

"Khidmat adalah asas kita. Kita akan terus berkhidmat," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika diminta penjelasannya mengenai asas manifesto BN yang mula dirangka sekarang.

Beliau tidak mengulas lanjut.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, mempengerusikan mesyuarat dengan wakil-wakil parti komponen bagi merangka manifesto

BN untuk pilihanraya umum.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, enggan menyatakan tarikh pilihanraya umum akan datang.

Ditanya kemungkinan ia diadakan sebelum umat Islam menunaikan fardu Haji, beliau berkata: "Menunaikan haji adalah kerja yang mulia."

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata beliau tidak ada rancangan untuk mengadakan pertemuan dengan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri yang mula tiba di sini untuk menghadiri Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri ke-16, di Georgetown mulai esok.

"Saya sudah pun menemui mereka beberapa hari lalu," katanya.